



Ruj. Tuan : PKPMP.PKP.600-1/4/4

Ruj. Kami : 30 Januari 2018

Tarikh :

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar / Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 2018

**BAYARAN DEPOSIT BAGI PELAKSANAAN WARAN TANGKAP
BAGI KES SIVIL
DI SELURUH MAHKAMAH DI MALAYSIA**

Setelah merujuk kepada YAA Ketua Hakim Negara dan selaras dengan Aturan 74 subkaedah 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012], bagi tujuan keseragaman dalam bayaran deposit bagi pelaksanaan waran tangkap untuk kes sivil di Mahkamah seluruh Malaysia, YAA Ketua Hakim Negara mengarahkan seperti berikut:

TUJUAN

2. Pekeliling ini menyediakan panduan yang seragam mengenai bayaran deposit oleh pemiutang penghakiman bagi pelaksanaan waran tangkap untuk kes sivil terhadap penghutang penghakiman.

...2/-

3. Sebagaimana Arahan Amalan Bil. 4 Tahun 2009 bertajuk "WANG DEPOSIT DAN PELAKSANAAN WARAN TANGKAP BAGI KES SIVIL DI SELURUH MAHKAMAH DI MALAYSIA", bayaran deposit adalah dikecualikan bagi pelaksanaan waran tangkap terhadap penghutang penghakiman Kerajaan Malaysia/Kerajaan Negeri atau mana-mana Jabatan Kerajaan.

BAYARAN WANG DEPOSIT OLEH PEMIUTANG PENGHAKIMAN

4. Sebelum apa-apa tangkapan dibuat di bawah seksyen 6 Akta Penghutang 1957 [Akta 256], pemiutang penghakiman hendaklah mendepositkan ke dalam akaun deposit Mahkamah sebanyak **RM2,000.00 (untuk Mahkamah Tinggi)** dan **RM1,000.00 (untuk Mahkamah Rendah)** sebelum pelaksanaan waran tangkap.

5. Pembayaran deposit tersebut hendaklah berserta dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

6. Bukti bayaran wang deposit hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah.

7. Apa-apa baki wang deposit hendaklah dipulangkan kepada pemiutang penghakiman selepas melepaskan penghutang penghakiman.

TATACARA PELAKSANAAN WARAN TANGKAP BAGI KES SIVIL

8. Bagi pelaksanaan waran tangkap terhadap penghutang penghakiman, Syerif atau Bailif hendaklah mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

9. Tuntutan perjalanan dan wang sara Syerif atau Bailif hendaklah ditolak daripada wang deposit.


PERMULAAN KUAT KUASA

10. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menutus perintah,


(DATO SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Salinan Kepada:

EDARAN DALAMAN:

1. YAA Ketua Hakim Negara
2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan
3. YAA Hakim Besar Malaya
4. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
5. Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
6. Pendaftar Mahkamah Rayuan
7. Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
8. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
9. Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah Dan Sarawak
10. Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
11. Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
12. Pengarah-Pengarah Bahagian
13. Pustakawan

EDARAN LUARAN:

Peguam Negara

Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Presiden

Majlis Peguam
15, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah
Suite No. 6-6-11, 6th Floor
Menara MAA
No. 6 Lorong Api-Api 1
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi

The Bar Room
Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK